

Najib puji remaja sanggup berkorban harumkan nama negara

UM - 15/6/2007

PUTRAJAYA 14 Jun - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia seharusnya berbangga dan bertuah kerana mempunyai golongan remaja dan belia yang sentiasa ingin mengharumkan nama agama, bangsa dan negara di persada dunia.

Sambil mengambil contoh Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin, 25, yang akan menyertai Ekspedisi Ekstrem 7 Benua (EE7B), beliau berkata, setiap kejayaan dan sejarah yang dicipta oleh mereka amat bererti kepada negara.

Katanya, ia menjadi bukti bahawa rakyat Malaysia mampu bersaing dengan bangsa lain di dunia.

"Mereka sanggup mengorbankan usia remaja untuk melakukan sesuatu yang mendatangkan manfaat dan motivasi kepada remaja lain.

"Sesungguhnya bukan mudah untuk menjelajah dunia. Bukan sedikit cabaran yang akan diharungi," katanya pada majlis penyerahan bendera dan sumbangan penaja bagi Projek EE7B Fasa 1 di sini, hari ini.

Projek tersebut terbahagi kepada empat fasa iaitu ekspedisi berbasikal mengelilingi dunia (Fasa 1), berenang merentasi Selat Inggeris bersama Salman Ali Shariati Abdul Halim dan adiknya Zahra Masoumah Abdul Halim (Fasa 2), mendaki tujuh puncak tertinggi di tujuh

benua (Fasa 3) dan penjelajahan ke Kutub Utara dan Kutub Selatan (Fasa 4).

Ia dianjurkan oleh Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Menurut Najib, ekspedisi berbasikal mengelilingi dunia akan dilakukan oleh Muqharabbin yang merupakan anak Melayu pertama dan orang Islam termuda di dunia yang menjejakkan kaki ke Gunung Everest pada tahun 2004.

Katanya, dalam ekspedisi Fasa 1 itu, Muqharabbin akan singgah di beberapa buah universiti, kolej dan sekolah di negara-negara yang dilawatnya untuk mempromosikan

Malaysia di samping berkongsi pengalaman ketika menjejakkan kaki ke Gunung Everest.

"Ini secara tidak langsung akan menjadikan Malaysia lebih dikenali dan dihormati," katanya.

Najib percaya berkat kecekalan, keberanian dan keazaman yang dimiliki oleh Muqharabbin, negara bakal mempunyai seorang belia luar biasa yang mempunyai bakat 5P iaitu pelari, pendaki, pengayuh, perenang dan penjelajah.

Menurut beliau, bakat 5P ini pernah dimiliki oleh orang Melayu iaitu Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam bidang seni iaitu pelakon, penyanyi, pelawak,

penulis skrip dan pengarah filem.

"Kini kita bakal melihat bakat 5P dalam bidang sukan. Oleh yang demikian saya menyeru kepada pihak korporat supaya dapat membantu dan memberi sumbangan agar hasrat anak muda Malaysia ini mencapai misi dan kejayaan.

"Kejayaan yang bakal beliau lakukan bukanlah kejayaan individu tetapi merupakan kejayaan agama, bangsa dan negara kita," katanya.

Muqharabbin, penuntut Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran UiTM akan memulakan ekspedisi berbasikalnya di Washington, Amerika Syarikat pada 1 Julai ini.